

# Ibu bapa perlu lebih prihatin pantau anak

**K**ejadian seorang kanak-kanak maut selepas terperangkap dalam sebuah kereta kerana bermain dan tidak tahu membuka pintu, mengejutkan kita baru-baru ini. Kes ini wajar diambil perhatian serius oleh ibu bapa supaya tidak berulang.

Seperti dilaporkan akhbar, ramai kanak-kanak berusia lingkungan tiga tahun ke atas, maut dalam kereta. Difahamkan bahawa kemalangan nyawa ini berlaku atas kecuaiannya ibu bapa mangsa yang terlupa anak mereka sehingga terperangkap selama beberapa jam. Dengan suhu kereta yang panas dan keadaan tingkap kereta yang tertutup membawa kepada strok haba menyebabkan diri anak-anak lemah.

Strok haba adalah keadaan panas yang menyebabkan proses perpeluhan berlaku seterusnya menyebabkan penyahhidratan air dalam badan, sawan, kekeliruan, kerosakan otak dan organ dalam badan seterusnya menyebabkan kematian. Strok haba kerap berlaku di Amerika Syarikat. Statistik negara itu mencatatkan 33 kes kematian pada 2012 dan 22 kes pada 2013.

Sumber kajian cuaca menunjukkan bahawa suhu dalam kereta akan meningkat secara mendadak antara 10 ke 20 darjah dalam masa 20 minit apabila kereta dibiarkan di bawah panas matahari. Kepanasan melampau ini akan menyebabkan suhu badan kanak-kanak yang terperangkap meningkat secara mendadak sehingga 41 darjah Celsius.

Penyelidik dari Washington, Jan Null yang mula mengumpulkan data mengenai kes ini sejak penghujung 1990-an menerusi laporan media berkata, kes anak maut akibat lemas dalam suhu panas sama ada kerana tertinggal oleh ibu bapa atau anak itu bermain dan tidak tahu keluar dari kereta semakin meningkat.

## **Kecuaian ibu bapa**

Faktor yang menyebabkan hal sedemikian berlaku adalah kerana kurang keprihatinan dalam mengawal anak-anak, sikap kecuaiannya ibu bapa, dan cuba memberi kebebasan kepada anak.

Tidak dapat dinafikan, lumrah kanak-kanak kecil begitu gemar bermain di mana sahaja dan bersama sesiapa juga asalkan mereka dapat bersuka-ria dan memuaskan hati. Walau bagaimanapun, pengawasan yang rapi daripada ibu bapa amat penting bagi menjamin keselamatan mereka.

Kawalan yang kurang daripada ibu bapa akan menyebabkan anak kecil terbiasa bebas dan keluar bermain tanpa meminta izin ibu bapanya. Hampir setiap petang mereka akan keluar bermain sesuka hati. Hal ini dikhuatiri akan membahayakan diri kerana mereka masih belum tahu baik dan buruk sesuatu perkara.

Rasulullah memberi garis panduan kepada ibu bapa supaya sentiasa menyayangi, mengajak bermain dan bergurau dengan anak sehingga berusia enam tahun. Natijahnya, supaya anak-anak sedar ibu bapa adalah rujukan terbaik bagi mereka dalam semua hal yang ingin mereka lakukan.